

Ruangan Belia

Banyak takrif belia yang telah diberikan orang tentang istilah “pemuda”. Masing-masing takrif itu mempunyai kedudukan yang tersendiri. Tetapi takrif yang kami pilih kerana lengkap dengan dalil-dalilnya ialah yang diberikan oleh al-ustaz Muhammad Hasbi ash-Shiddieqy, yang seperti berikut.

Takrif ‘Pemuda’

Pemuda, bukanlah semata-mata yang berumur 15 sampai 30 tahun, malah pemuda ialah : “Mereka yang telah melalui zaman kanak-kanak, dan belum meningkat ke zaman tua”.

Tegasnya, segala mereka masih tegap, tangkas, kuat, bersemangat, bergelora kemahuannya, tajam ingatan, cepat bertindak dengan tepat, masih mempunyai darah perjuangan, masih kuat mengharungi gelombang hidupnya dengan gagah perkasa, tidak bersikap menyerah, tidak semuka menerima seberapa yang ada, masih tertarik kemahuannya kepada tambahan dan segala rupa jenis kemajuan, dan tidak mudah patah semangat, itulah : pemuda.

Menurut kebiasaan, orang-orang yang belum meningkat ke umur “45” tahun, masih mempunyai segala yang dihajati oleh pergolakan hidup. Tiap-tiap orang yang masih tangkas, masih berapi-api semangatnya, masih di bawah umur 45 tahun, dipandang muda; kerana demikianlah takrif pemuda menurut yang diketahui ramai.

Sudah menjadi kebiasaan, manusia itu dibahagi kepada tiga taraf:

- a). Taraf kanak-kanak.
- b). Taraf pemuda.

th). Taraf tua.

Taraf kanak-kanak, ialah: mulai dari lahir hingga meningkat baligh, lebih kurang hingga berumur 15 tahun.

Taraf pemuda, ialah: mulai dari berumur tahun hingga berumur 45 tahun.

Manakala taraf tua, ialah : mulai dari berumur 45 tahun hingga ke atas....

Masing-masing peringkat itu terbahagi tiga:

Permulaan kanak-kanak, pertengahan kanak-kanak, dan kesudahan kanak-kanak. Demikian juga halnya peringkat muda dan tua.

Di dalam bahasa Arab, seseorang yang berumur 45 tahun hingga 60 tahun dinamakan “kahula”, dan yang berumur 60 tahun ke atas dinamakan “Shaykh”. Begitu pula yang berumur di bawah 30 tahun, di atas 15, dinamakan “fatā” (muda remaja). Manakala orang yang berumur 40 tahun hingga 45 tahun dinamakan “shāb” (pemuda yang menjalani tingkat kesempurnaan kemudaannya).

Menurut pembahagian-pembahagian itu nyatalah bahawa pemuda ialah mereka yang berumur di bawah 45 tahun, di atas 15 tahun.

Bagi menguatkan takrif ini, ada beberapa keterangan lagi, seperti berikut:

- 1) Dalam masa Rasulullah (S.A.W) mulai menjalankan penyebaran Islam, baginda masih menamakan dirinya “seorang pemuda”. Dan orang ramai juga menamakan demikian, pada hal kita sama mengetahui bahawa usia Baginda ketika itu telah meningkat 41 tahun,
- 2) Diriwayatkan bahawa Rasulullah (S.A.W) pada masa mengumpulkan sekalian kaum kerabatnya yang dekat, kerana hendak menyampaikan perintah-perintah Allah, sesudah turun ayat, (ertinya): “dan berilah ingat akan sekalian kaum kerabatmu yang dekat”. (as-Shu‘arā’).

Setelah kaum kerabat berkumpul, Baginda pun bersabda:

“Hai bani Abdul Muṭalib, belum pernah seorang pemuda membawa kepada kaumnya, sesuatu yang lebih utama daripada apa yang saya hendak sampaikan kepada tuan-tuan ini.”

- 3) Ketika Sayyidina ‘Abbas menerangkan kepada ‘Afif al-Kindī tentang Nabi (SAW), Sayyidina ‘Abas berkata “Tahukah kamu siapakah pemuda itu? Itulah Muhammad anaka saudaraku.”

Demikian takrif pemuda dalam bahasa Arab, sebagaimana yang diterangkan oleh at-Tha‘ālabī dalam kitabnya “Fiqh al-Lughah al-‘Arabiyyah”.



Suatu pemandangan dalam satu majlis keraian yang diadakan oleh Duta Persekutuan Tanah Melayu di Amerika, Dr.

Ismail, untuk diplomat-diplomat dari negara Asia, baharu-baharu ini.